

JAIP sedia lupus 30 tan al-Quran rosak

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Februari 10, 2022 @ 7:58am



Aktiviti pelupusan al-Quran rosak akibat banjir dilakukan JAIP menggunakan insinerator atau tempat pembakaran khas. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

PEKAN: Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) akan melupuskan lebih 30 tan tan al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat suci yang rosak akibat banjir akhir tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIP, Noridzuan Abdul Manan, berkata aktiviti pelupusan dilakukan menggunakan insinerator atau tempat pembakaran khas yang sumber api daripada gas milik JAIP dan syarikat swasta.

Katanya, pusat pelupusan atau pembakaran kendalian JAIP di Pejabat Ugama Daerah Pekan, di sini mampu melupuskan kira-kira 100 kilogram (kg) bahan bacaan berkenaan yang sudah kering hampir seratus peratus.

Beliau berkata, proses membakar dilakukan setiap hari dan mengambil masa 24 jam.

"Abu al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat suci akan digaul dengan air sebelum ditempatkan dalam bekas untuk dikeringkan di bawah cahaya matahari selama seminggu.

"Ketulan atau bongkah seberat 5kg setiap satu akan disimpan dalam beg plastik sebelum proses melupuskan di laut dilakukan dengan bantuan agensi kerajaan lain.

"Kita mengambil masa yang agak panjang untuk melupuskan al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat suci kerana jumlahnya kini mencapai 30 tan," katanya selepas memantau proses pelupusan al-Quran, di sini semalam.

Beliau berkata, kelewatan berlaku disebabkan bahan bacaan berkenaan masih lagi basah, justeru proses menjemur terpaksa dilakukan terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam insinerator.

Noridzuan berkata, daerah Bentong dan Temerloh mencatat jumlah terbanyak al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat suci yang rosak akibat banjir berbanding Kuantan, Bera, Jerantut, Raub, Maran dan Lipis.

Katanya, satu lagi pusat pelupusan milik swasta di Kampung Temin, Jerantut mampu melupuskan dalam jumlah lebih banyak kerana mereka mempunyai insinerator bersaiz lebih besar.

Beliau berkata, aktiviti pelupusan dilakukan bertujuan memelihara kemuliaan al-Quran serta bahan bercetak mengandungi ayat suci dan dilupuskan mengikut tatacara pelupusan yang ditetapkan JAIP.

"Turut membantu JAIP mengumpul dan melupuskan al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat al-Quran yang ditenggelami banjir adalah beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) luar Pahang yang bertindak membawa ke negeri

masing-masing bahan bacaan terbabit.

"Saya meminta orang ramai yang memiliki al-Quran dan bahan bercetak mengandungi ayat al-Quran yang rosak akibat banjir dikumpul di masjid kariah dan surau setempat bagi tujuan pelupusan oleh pihak JAIP," katanya.